

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 28 OKTOBER 2014 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	ICT industry expected to grow beyond 11% of GDP	The Malay Mail
2.	National Innovation Conference and Exhibition (NICE)	Utusan Malaysia
3.	Potensi besar pasaran material canggih	Utusan Malaysia
4.	FGV cari makan niaga	Utusan Malaysia
5.	Jangan percaya amaran ribut petir melalui WhatsApp - Meteorologi	Utusan Malaysia
6.	Amaran dikeluarkan tiga jam sebelum ribut petir	Kosmo
7.	Hujan lebat, ribut petir mula berkurangan	Sinar Harian
8.	Amaran 3 jam sebelum berlaku	Harian Metro
9.	'Don't fall for fake news over extreme weather'	The Star
10.	Fenomena biasa air pasang	Harian Metro
11.	Artikel bumi bergelap tiga hari palsu	Berita Harian
12.	Bumi tidak akan bergelap	Kosmo
13.	Laporan bumi bakal bergelap palsu	Sinar Harian
14.	Bumi akan bergelap tiga hari tak benar	Utusan Malaysia
15.	Banjir, puting beliung bukan kesan letupan suar matahari	Berita Harian
16.	SJKC Puay Chai 2 muncul johan NSC2014	Kosmo
17.	Cellphone penetration reaches 143.7%, says Jailani	The Star

ICT industry expected to grow beyond 11% of GDP

By Business Desk
business@mmail.com.my

KUALA LUMPUR — The ICT industry, an ever-growing segment of Malaysia's march towards an industrialised nation, make up for 11 per cent of the country's GDP and is expected to grow even bigger.

Former Pikom CEO Cheah Kok Hoong last week said that the ICT industry is ever-growing with an estimate ten to 12 per cent growth in 2014, 400,000 ICT professionals and a salary increase for ICT professional of 7.2 per cent.

"The ICT industry makes up for 11 per cent of the country's GDP and it is only expected to grow bigger. Pikom is confident that it will achieve revenue of RM95 billion by 2017," he said.

However, to enhance the ICT industry, the authorities are expected to give more attention to the sector.

In its post-budget 2015 comments, Pikom said there should be more ICT-focused initiatives as the country is moving towards a high-income and knowledge-based economy.

In the 2015 Budget, the government allocated RM1.3 billion to the **Ministry of Science, Technology and Innovation (Mosti)**, for research and development and commercialisation purposes.

In an effort to further strengthen the industry, Pikom will also begin individual memberships to attract ICT professionals into the association, and create a platform to discuss and find solutions for issues in the industry.

Pikom's new CEO Woon Chin Ming said that as the industry is growing and has been integrated into the daily lives of most of Malaysia, the association will be working harder to ensure

that technology reaches more people.

"We have six trusts in place to elevate exposure in public areas and reach people in the older age range to increase usage and bring more returns," Woon said.

'Outsourcing Malaysia', a chapter under Pikom that aims to promote and develop Malaysia's outsourcing services industry as a global hub for high-value outsourcing has also presented a positive report card, leading to a new sub-chapter 'Shared Services', created to better serve the industry.

When asked if he was concerned with how the implementation of the GST will affect the industry in 2015, he said the effects will only be short-term.

Nevertheless, the implementation of the GST remains a challenge for the industry, but Cheah believe its impact will be temporary.

"The GST would not affect us much as its effect will only last a few months after implementation before the market normalises again," said Cheah.

The budget has also allocated RM2.7 billion for the construction of 1,000 telecommunications towers and the laying of undersea cables over the next three years to boost connectivity and coverage.

The prime minister also said in his budget address that the expansion of high-speed broadband in areas of high economic impact, in particular in Kuala Lumpur and other large urban centres, would continue.

The planned investments are likely to help increase internet penetration rates, with some estimates putting coverage at 75 per cent of households as of the end of 2015, up from the 67.7 per cent recorded in the first quarter of 2014.



Cheah congratulating newly appointed Pikom CEO Woon at the Pikom press conference last week. — Picture by Pikom

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (NASIONAL) : MUKA SURAT 07
TARIKH : 28 OKTOBER 2014 (SELASA)



The poster features a yellow background with a blue border. On the left side, there are four stylized robot icons in blue, red, purple, and green. At the top right, the Malaysian coat of arms is displayed next to the MOSTI logo, which includes the text 'MOSTI' and 'KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI'. The central text reads '14 nice NATIONAL INNOVATION CONFERENCE AND EXHIBITION' in blue, with '14' in a red circle. Below this, the dates '31 Oktober - 2 November 2014' and time '9.00 pagi - 5.00 petang, PWTC Kuala Lumpur' are listed in red. A line of text indicates 'Penyertaan percuma'. The main headline 'Teknologi Memperkasa Inovasi' is in large black font. On the right, a photograph of YB Datuk Dr. Ewon Ebin, Minister of Science, Technology and Innovation, is shown. At the bottom left, there is a QR code and logos for 'TAHUN PENGKOMERSILAN MOSTI 2014' and 'Sains & Inovasi Pemacu Transformasi DEKAD INOVASI 2010 - 2020'. The bottom right contains the text 'YB Datuk Dr. Ewon Ebin Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi'. The footer includes the hashtag '#NICEMOSTI2014', the website 'www.mosti.gov.my/nice2014', and the Twitter handle '@MyMOSTI'.

14
nice
NATIONAL INNOVATION
CONFERENCE AND EXHIBITION

31 Oktober - 2 November 2014
9.00 pagi - 5.00 petang, PWTC Kuala Lumpur

Penyertaan percuma

Teknologi Memperkasa Inovasi

TAHUN
PENGKOMERSILAN
MOSTI 2014

Sains & Inovasi
Pemacu Transformasi
DEKAD INOVASI 2010 - 2020

YB Datuk Dr. Ewon Ebin
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

#NICEMOSTI2014 www.mosti.gov.my/nice2014 @MyMOSTI

Potensi besar pasaran material canggih

Oleh NUR HANANI AZMAN
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 27 OKT.

SYARIKAT tempatan perlu memanfaatkan peluang pelaburan besar dalam industri material canggih yang mendapat permintaan tinggi dari dalam dan luar negara.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah (**gambar**) berkata, selaras dengan Tahun Pengkomersialan MOSTI 2014, ia tepat pada masanya bagi negara memperkukuh kehadiran dalam pasaran itu.

Katanya, bahan canggih yang merupakan teknologi dasar baharu ketika ini sentiasa dinaik taraf supaya mempunyai nilai tambah dalam menyokong aktiviti pembuatan di Malaysia.

"Pertumbuhan sihat penyeli-

kan dan pembangunan (R&D) serta peningkatan jumlah penerimaan terhadap material ini sekali gus menawarkan potensi ekonomi yang besar jika dieksploitasi secara strategik," katanya ketika berucap merasmikan Forum Penyelidikan Lux NanoMalaysia 2014 di sini hari ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Phang Ah Tong. Forum sehari anjuran NanoMalaysia dan Lux Research bertujuan menyediakan platform bagi pemain pasaran untuk berbincang tentang trend dan prospek teknologi baharu dalam industri material canggih.

Industri material canggih merujuk kepada pembuatan dan penghasilan bateri, bahan magnetik,

susunan plat silikon (sistem fotovoltaik) dan lain-lain.

Sementara itu, Ah Tong berkata, MIDA sebagai agensi pusat promosi pelaburan sentiasa berusaha mengembangkan jaringan R&D di antara industri dengan institut penyelidikan dalam menjana pelaburan berkualiti serta teknologi terkini.

Menurut beliau, MIDA mempunyai program insentif menarik untuk pelabur terutamanya dalam kalangan syarikat multinasional (MNC) yang berminat menubuhkan pejabat R&D sendiri.

"Sehingga kini, kami telah meluluskan sebanyak 150 syarikat R&D terdiri daripada 68 kontrak R&D, 44 R&D bagi MIDA dan 26 syarikat R&D dengan nilai pelaburan sebanyak RM2.21 bilion," jelasnya.



FGV cari rakan niaga

Oleh **NUR HANANI AZMAN**
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 27 OKT.

FELDA Global Ventures Holdings Bhd. (FGV) sedang giat mencari rakan strategik bagi menggalakkan lagi penggunaan produk nano karbon baharu keluaran mereka iaitu grafyn (graphene).

Presidennya, Mohd. Emir Mavani Abdullah berkata, selain pasaran Malaysia, FGV turut menyasarkan syarikat utama dunia bagi menjual bahan tersebut dan ketika ini sedang berbincang dengan beberapa syarikat antarabangsa serta tiga syarikat tempatan.

Katanya, mengambil contoh potensi kerjasama dengan syarikat automotif, grafyn boleh digunakan bagi membantu mempertingkatkan kecekapan bahan api yang tinggi bagi kereta yang dihasilkan.

"Grafyn dihasilkan di kilang di Norwich, England menerusi usaha sama antara FGV dengan Cambridge Nano System Ltd. (FGV-CNS), yang berupaya menembusi pasaran global.

"Walau bagaimanapun untuk meningkatkan lagi kuantiti penge-



Grafyn dihasilkan di kilang di Norwich, England menerusi usaha sama antara FGV dengan Cambridge Nano System Ltd. (FGV-CNS), yang berupaya menembusi pasaran global."

**MOHD. EMIR MAVANI
ABDULLAH**
Presiden FGV

luan produk nano karbon itu, kilang berkenaan bakal dipindahkan ke pusat operasi baharu di Cambridge, United Kingdom dalam masa terdekat," katanya kepada *Utusan Malaysia* selepas menghadiri Forum Penyelidikan Lux NanoMalaysia 2014 di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah, Pengerusi NanoMalaysia, Prof. Emeritus Datuk Ir. Moham-

ad Zawawi Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif Lux Research Inc., Dennis Philbin dan Pengarah Urusan Graphene CNT, Donald Choo.

Grafyn telah dikenal pasti sebagai bahan yang dapat menawarkan prestasi terbaik dalam pelbagai aspek kerana ia merupakan sebatian terkuat, paling nipis dan kristal anjal serta dapat membawa arus elektrik lebih baik daripada bahan sedia ada.

Terdahulu, dalam majlis yang sama, FGV-CNS menandatangani dua memorandum persefahaman (MoU) dengan RSG Ltd. (syarikat berpangkalan di Hong Kong) dan Graphene CNT Pty. Ltd. dari Australia.

Menurut Mohd. Emir, RSG dan CNT merupakan syarikat yang bertanggungjawab memasarkan grafyn di Australia, negara-negara ASEAN (tidak termasuk Malaysia), China, Jepun, New Zealand, Taiwan dan Korea Selatan berkuat kuasa 1 Februari 2015.

"Kedua-dua MoU ini memberi FGV signifikan yang kompetitif dalam membekalkan grafyn ke kilang di rantau yang memerlukan seterusnya membuktikan keupayaan syarikat Malaysia untuk memasarkan produk tersebut," katanya.



DONALD CHOO (kiri) bertukar-tukar dokumen perjanjian dengan Mohd. Emir Mavani Abdullah sambil disaksikan oleh Ir. Mohd. Zawawi Ismail (dua kiri), Dr. Abu Bakar Mohamad Diah (tengah) dan Dennis Philbin (kanan sekali) selepas Majlis Perasmian Lux Research-NanoMalaysia Forum 2014 di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Jangan percaya amaran ribut petir melalui WhatsApp - Meteorologi

PUTRAJAYA 27 Okt. - Jabatan Meteorologi menasihatkan orang ramai supaya tidak mempercayai sebarang amaran ribut petir yang dikeluarkan beberapa hari lebih awal kerana keadaan cuaca tersebut hanya boleh dikesan beberapa jam sebelum berlaku.

Ketua Pengarahnya, Datuk Che Gayah Ismail berkata, walaupun ramalan cuaca secara umum boleh dibuat tetapi ribut petir berlaku secara setempat dan bersifat tidak menentu.

Beliau berkata, kejadian ribut petir hanya boleh dikesan paling awal tiga jam sebelum melanda satu-satu tempat.

"Jabatan Meteorologi tidak akan mengeluarkan amaran ribut petir beberapa hari sebelum melanda satu-satu tempat, sebaran mesej kononnya ribut petir akan melanda ibu negara pada beberapa hari akan datang adalah tidak betul," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai



CHE GAYAH ISMAIL

mengulas tentang sebaran mesej aplikasi WhatsApp bahawa ribut petir akan melanda Kuala Lumpur dan Putrajaya dari 27 hingga 30 Oktober dengan angin selaju 80 hingga 100 kilometer sejam.

Mesej yang didakwa disebar

Jabatan Meteorologi itu turut memberi amaran kemungkinan berlaku pusaran puting beliung berikutan angin yang laju.

Jabatan Meteorologi sebelum ini telah mengeluarkan kenyataan menafikan bahawa amaran cuaca tersebut dikeluarkan pihaknya.

Dalam pada itu, Che Gayah menjelaskan, ribut petir merupakan fenomena biasa ketika Malaysia mengalami peralihan monsun dan keadaan itu dijangka akan berlaku di negara ini sehingga minggu pertama atau kedua bulan depan.

"Ribut cenderung berlaku di Pantai Barat Semenanjung pada musim peralihan monsun, biasa berlaku selepas tengah hari atau pada petang dan kadangkala malam.

"Selepas minggu kedua November, Malaysia akan memasuki musim tengkujuh dengan hujan lebat berlaku di beberapa negeri termasuk Terengganu, Kelantan, Pahang, Sabah dan Sarawak," katanya.

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 13
TARIKH: 28 OKTOBER 2014 (SELASA)**

Amaran dikeluarkan tiga jam sebelum ribut petir



PUTRAJAYA - Jabatan Meteorologi menafikan mengeluarkan amaran ribut kuat yang dijangka berlaku di Kuala Lumpur dan Putrajaya bermula semalam hingga 30 Oktober ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Che Gayah Ismail berkata, amaran hujan lebat dan ribut petir hanya dapat dikeluarkan seawal tiga jam sebelum ia berlaku.

"Amaran seumpama itu tidak boleh dikeluarkan untuk tempoh lebih daripada itu seperti yang disebarkan melalui aplikasi WhatsApp semalam.

"Pihak kami akan dapat mengesan kejadian hujan lebat dan ribut petir menerusi teknologi radar," kata beliau pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas mengenai penyebaran pengumuman amaran ribut kuat di Kuala Lumpur dan Putrajaya pada 27 hingga 30 Oktober ini yang disebarkan melalui aplikasi WhatsApp.

Che Gayah berkata, pihaknya akan mendapatkan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Cyber Security dalam usaha mengatasi isu-isu penyebaran khabar angin menerusi aplikasi WhatsApp dan laman sosial lain.

Beliau menjelaskan, hujan lebat dan ribut petir adalah fenomena biasa pada masa ini kerana Malaysia sedang mengalami monsun peralihan.

Sehubungan itu, beliau meminta orang ramai mendapatkan maklumat sahih mengenai amaran atau nasihat yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi melalui laman web <http://www.met.gov.my>; Facebook (<http://facebook.com/malaysiamet>) dan Twitter (<http://twitter.com/malaysianmet>).

Orang ramai juga boleh menghubungi talian hotline 1300-22-1638 yang beroperasi 24 jam.

MESEJ palsu menerusi aplikasi WhatsApp mengenai amaran ribut kuat di Kuala Lumpur dan Putrajaya yang kononnya bermula semalam hingga 30 Oktober ini didapati tidak benar.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (AMPANG MASIH BERISIKO) : MUKA SURAT 37
TARIKH: 28 OKTOBER 2014 (SELASA)

Hujan lebat, ribut petir mula berkurangan

JABATAN Meteorologi meramalkan aktiviti hujan lebat dan ribut petir akan berkurangan kerana negara kini berada di penghujung musim peralihan monsun.

Pengarah Khidmat Korporat dan Komersial Jabatan Meteorologi, Dr Mohd Hisham Mohd Anip berkata, aktiviti hujan lebat dan ribut petir dijangka akan berkurangan

sebelum musim monsun timur laut bermula kira-kira seminggu atau dua minggu lagi.

Bagaimanapun katanya, negeri di pantai barat semenanjung dan kawasan pantai di bahagian barat Sabah dan Sarawak dijangka masih akan mengalami hujan dan ribut petir di satu dua tempat pada sebelah petang atau senja.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 9
TARIKH: 28 OKTOBER 2014 (SELASA)

Putrajaya

Amaran 3 jam sebelum berlaku

Amaran hujan lebat dan ribut petir hanya dapat diberikan seawal tiga jam sebelum ia berlaku, kata Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) Datuk Che Gayah Ismail.

Beliau berkata, amaran seumpama itu tidak dikeluarkan untuk tempoh sehari-hari seperti disebarkan melalui aplikasi WhatsApp kelmarin kononnya ribut petir selaju 80-hingga 100 kilometer sejam (km/j) akan melanda Kuala Lumpur dan Putrajaya dari 27 hingga 30

Oktober.

“Sehubungan itu, MetMalaysia menafikan mengeluarkan amaran ribut kuat yang dijangka berlaku di Kuala Lumpur dan Putrajaya pada 27 hingga 29 Oktober.

“Maklumat sahih amaran dikeluarkan MetMalaysia melalui laman sesawang MetMalaysia <http://www.met.gov.my>, Facebook, Twitter serta talian 1300-22-1638 yang beroperasi 24 jam,” katanya kepada media, di sini, semalam.

'Don't fall for fake news over extreme weather'

PETALING JAYA: Hoaxes ranging from the earth being plunged into three days of darkness and a tornado bound for Putrajaya are swirling over social media.

However, the National Space Agency (Angkasa) and the Malaysian Meteorological Department (MMD) both have confirmed the information as false.

"An online portal report that the earth will be in darkness from Dec 21 to 23 due to a solar storm is a hoax," said Angkasa yesterday.

"The article quoted National Aeronautics and Space Administration (Nasa) president Charles Bolden, who, according to the portal, said the news was from the space agency's website.

"However, there is no such news in the Nasa website. Other sources quoted in the story also couldn't be found, thus proving that the news is fake," added Angkasa.

Meanwhile, the MMD denied issuing a tornado warning for Kuala Lumpur and Putrajaya.

Department deputy director-general (climate and weather) Alui

Bahari said the public should not panic because of the rumours.

"People should stop spreading such information citing that it came from our department," he said.

Social media was abuzz last night that the department had issued a warning that tornadoes would hit the two places in the next couple of days. — Bernama

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 9
TARIKH: 28 OKTOBER 2014 (SELASA)

Kota Bharu

Fenomena biasa air pasang

“Ia fenomena biasa setiap kali bulan baru, air pasang, jadi tak perlu panik,” kata Pegawai Meteorologi Kanan Pusat Cuaca Nasional Jabatan Meteorologi Malaysia, Dr Mohd Hisham Mohd Anip.

Beliau mengulas mengenai paras air Sungai Golok di Rantau Panjang

yang meningkat ke tahap berjaga-jaga sejak kelmarin dan turut melimpah ke kawasan perkampungan.

Dr Mohd Hisham berkata, fenomena air pasang dipengaruhi tarikan graviti disebabkan tiga faktor utama iaitu bulan paling hampir dengan bumi, bulan baru dan bulan penuh.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 18
TARIKH: 28 OKTOBER 2014 (SELASA)

Artikel bumi bergelap tiga hari palsu

Kuala Lumpur: Artikel mengenai bumi bakal bergelap selama tiga hari berturut pada 21, 22 dan 23 Disember ini yang kini tersebar di media sosial dan laman web, adalah palsu.

Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (ANGKASA), Dr Noordin Ahmad, berkata artikel itu memetik sumber Presiden Agensi Angkasa Amerika Syarikat (NASA), Charles Bolden, melalui laman webnya di <http://scienc.nasa.gov> tetapi tiada sebarang berita mengenainya di laman web mereka seperti dipetik artikel berkenaan.

Katanya, sumber lain yang dipetik juga tidak dapat dicari untuk pengesahan, sekali gus menunjukkan penipuan di sebalik artikel berkenaan.

“Ribut suria dari matahari tidak menyebabkan kejadian siang atau malam, jauh sekali menyebabkan bumi bergelap. Malah, bumi juga dilindungi oleh medan magnet (magnetosphere) yang menyebabkan kesan sebarang ribut suria dibelokkan (deflected) dan menjadi lemah sebelum sampai ke bumi.

“Apabila baki ribut ini memasuki atmosfera bumi, ia ternyahcas sebagai Aurora di hemisfera Utara dan Selatan,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Noordin berkata, artikel palsu ini tersebar sejak tahun 2012 bersama khabar angin bahawa kiamat akan berlaku pada Disember 2012.

Katanya, orang ramai yang ada pertanyaan boleh menghubungi Penolong Pegawai Penerangan, Asmidar Zainol di talian 019-3556771 atau 03-22734303.

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 15
TARIKH: 28 OKTOBER 2014 (SELASA)**

Angkasa nafi kenyataan fenomena itu bakal melanda dunia hujung Disember ini

Bumi tidak akan bergelap

3 days IN BLACK WITHOUT SUN: NASA CONFIRMS

Details

NASA has confirmed that the three days of darkness will take place this year on days 21, 22 and 23 December. The land will remain during these three days without sun, night ie in total darkness due to a solar storm.



This is the head of NASA Charles Bolden who made the announcement and asked everyone to remain calm. This will be the product of a solar storm, the largest in the last 50 years for a period of 72 hours.

Note that in the responses of Light Beings to questions Monique Mathieu by his members "From Heaven to Earth," she wrote: "The three days of darkness will actually take place. This will be an extremely difficult time for humanity."

source : science.nasa.gov

ARTIKEL yang dipetik melalui laman web <http://science.nasa.gov/> memaklumkan Bumi akan bergelap disahkan palsu oleh Angkasa.

KUALA LUMPUR - Agensi Angkasa Negara (Angkasa) menafikan khabar angin yang disebarkan di laman-laman sosial mengenai sebuah artikel yang mendakwa Bumi bakal bergelap selama tiga hari berturut-turut bermula pada 21 hingga 23 Disember ini.

Artikel yang bertajuk *3 Days, In Black Without Sun, Nasa Confirms* tersebut dikatakan memetik kenyataan Presiden Agensi Angkasa Amerika Syarikat (NASA), Charles Bolden melalui laman webnya di <http://science.nasa.gov/>.

Bagaimanapun, carian terkini menyaksikan keseluruhan kenyataan berkenaan tiada dalam laman web berkenaan.

Angkasa dalam satu kenyataan semalam menjelaskan, sumber-sumber lain yang dipetik juga gagal dicari untuk sebarang pengesahan.

Justeru, pihaknya percaya terdapat unsur-unsur penipuan di sebalik artikel itu.

"Khabar angin itu menyatakan kejadian itu adalah disebabkan oleh ribut suria yang dihasilkan oleh matahari pada hari-hari berkenaan.

"Untuk makluman, ribut suria dari matahari tidak menyebabkan kejadian siang atau malam malah jauh sekali menyebabkan bumi bergelap," katanya.

Jelas Angkasa lagi, bumi juga dilindungi oleh medan magnet yang menyebabkan kesan sebarang ribut suria akan dialih dan menjadi lemah sebelum sampai ke bumi.

Difahamkan, artikel palsu itu telah disebarkan sejak tahun 2012 bersama dengan khabar angin bahawa kiamat akan berlaku pada Disember 2012.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 13
TARIKH: 28 OKTOBER 2014 (SELASA)

Laporan bumi bakal bergelap palsu

Bibo Buzz

From as low as **MYR150.00**
[Book Now!](#)

Looking for Flights to Kuching? Terms & Conditions Apply

Bibo Buzz Sciences **English**

3 days IN BLACK WITHOUT SUN: NASA CONFIRMS

Details

NASA has confirmed that the three days of darkness will take place this year on days 21, 22 and 23 December. The land will remain during these three days without sun, night is in total darkness due to a solar storm ...



This is the head of NASA Charles Bolden who made the announcement and asked everyone to remain calm. This will be the product of a solar storm, the largest in the last 50 years for a period of 72 hours.

Note that in the responses of Light Beings to questions Monique Mathieu by his members "From Heaven to Earth," she wrote: "The three days of darkness will actually take place. This will be an extremely difficult time for humanity."

source : science.nasa.gov

Angkasa mengesahkan laporan yang memetik kenyataan Bolden mendakwa bumi akan bergelap selama tiga hari adalah tidak benar.

MAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS

SIDEN

Angkasa
Syarikat
(Nasa), Charles
Bolden berkata, perkara ini berlaku di-
sebabkan ribut suria yang dihasilkan oleh
matahari pada 20 Disember ini.

"Pada hari berkenaan, ion-ion akan
menyelubungi planet ini dan melawan
cahaya matahari yang diperbuat daripa-
da proton-proton," katanya.

Menurutnya, ion ini akan hilang di-
sebabkan pereputan radioaktif untuk
menghasilkan gas helium dan tempoh
pereputan ini akan berlaku selama tiga
hari.

Katanya, selepas proses pereputan
ini selesai, barulah cahaya mataha-
ri akan sampai ke bumi iaitu pada 24
Disember.

"Namun, perkara ini bukan sesuatu
yang sangat serius dan akan menyebab-
kan kehilangan nyawa," katanya.

Menurut Charles, beliau meminta
orang ramai supaya bertenang dan tidak
melakukan perkara yang sangat drastik.

Laporan yang men-
dakwa bumi akan
bergelap selama
tiga hari berturut-tu-
rut bermula 21 hingga 23 Disember ini
adalah palsu.

FAKTA

Agensi Angkasa Negara (Angkasa) da-
lam satu kenyataan berkata, laporan yang
kononnya memetik kenyataan daripada
Presiden Nasa, Charles Bolden adalah ti-
dak benar sama sekali.

"Pihak kami membuat pemeriksaan ke
atas laman sesawang Nasa di [http://scien-
ce.nasa.gov/](http://science.nasa.gov/). Namun, tiada sebarang berita
berkenaan di laman web mereka seperti
yang dipetik dalam artikel tersebut.

"Selain itu, sumber lain yang diambil
juga tidak dapat dicari untuk sebarang
pengesahan. Ia menunjukkan penipuan
di sebalik artikel ini," katanya.

Laporan itu menjadi viral di media so-
sial kononnya ribut suria yang dihasilkan
oleh matahari akan menyebabkan bumi
bergelap.

Artikel palsu ini telah tersebar se-
jak tahun 2012 bersama dengan khabar
angin bahawa kiamat akan berlaku pada
Disember 2012.

Kononnya berlaku mulai 21 Disember

Bumi akan bergelap tiga hari tak benar

Oleh MOHD. HANAFIS
ABDUL HARIS

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 27 OKT.

AGENSI Angkasa Negara (Angkasa) hari ini menafikan dakwaan kononnya bumi akan bergelap selama tiga hari berturut-turut pada 21, 22 dan 23 Disember ini seperti yang tersebar dalam laman sosial dan blog tempatan.

Menurut kenyataan agensi tersebut, khabar angin yang mengatakan bumi akan bergelap selama tiga hari berikutan kedudukan bumi, matahari dan pusat galaksi (Bima Sakti)

akan berada pada kedudukan selari itu disahkan palsu.

Malah Angkasa memberitahu, siasatan terhadap laman web rasmi Agensi Angkasa Lepas Amerika Syarikat (NASA) juga mendapati tiada sebarang kenyataan berhubung kejadian berkenaan dikeluarkan.

“Kenyataan tersebut didakwa dikeluarkan secara rasmi oleh NASA, namun selepas pihak kami meneliti laman rasmi NASA, perkara itu didapati palsu. Malah, untuk pengetahuan umum, ribut suria dari matahari tidak menyebabkan kejadian siang atau malam, jauh sekali menyebabkan bumi bergelap.

“Bumi juga dilindungi oleh med-

an magnet (*magnetosphere*) yang menyebabkan kesan sebarang ribut suria dibelokkan (*deflected*) dan menjadi lemah sebelum sampai ke bumi,” kata kenyataan tersebut.

Menurut Angkasa, penyebaran berita mengenai fenomena kononnya bumi akan bergelap itu juga bukan satu perkara baharu kerana ia didapati telah menular sejak 2012 di mana kenyataan yang hampir sama dikeluarkan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan agar tidak mudah percaya setiap penyebaran maklumat khususnya daripada aplikasi WhatsApp serta laman sosial yang diragui kesahihannya.

Banjir, puting beliung bukan kesan letupan suar matahari

Fenomena letusan suar matahari yang dikesan Observatori Negara Langkawi (ONL), Agensi Angkasa Negara (ANGKASA), pada 21 Oktober lalu disifatkan paling besar pernah berlaku dan kejadian itu dicatatkan secara purata 11 tahun.

Lebih menakjubkan letusan itu berukuran sebesar 12 kali saiz bumi atau sebesar Planet Musytari. Imej tompok hitam itu direkodkan terbesar dan aktif di kawasan aktif (AR) 2192 di pinggir timur permukaan matahari pada jam 10 pagi pada Selasa.

Memahami konsep terjadinya letusan itu, Koordinator ONL, Mhd Fairos Asillam, menerangkan kejadian letusan suar matahari itu umpama air yang mendidih dalam cerek berikutan kehadiran elemen panas di bawah cerek.

Apabila air menggelegak pada suhu maksimum 100 darjah Celsius, muncung cerek mengeluarkan wap menerusi proses kondensasi dan seterusnya menjadi titisan air apabila sejuk.

"Kejadian ini boleh menggambarkan fenomena letusan suar matahari yang dikenali tompok matahari, berpunca daripada kelajuan pergerakan dan ketidakseimbangan medan magnet bintang itu di bahagian kutub dan Khatulistiwa matahari," katanya kepada BH, baru-baru ini.

Imej letusan suar matahari itu dirakam menggunakan Teleskop Celestron C11 dan Kamera CCD Skynyx 2-2M dengan saiznya berukuran 12 kali ganda ukur lilin bumi atau sejauh 125,000 kilometer.

Kitaran aktif aktiviti matahari

Mhd Fairos berkata, kitaran aktif aktiviti matahari lazimnya berlaku dalam selang tempoh antara 11 hingga 13 tahun yang diceraip menggunakan teleskop optik dari bumi dan menerusi pencerapan secara berterusan oleh saintis.

"Letusan matahari menyemburkan zarah dan gas bertenaga tinggi ke angkasa lepas. Kekuatan letusan itu berskala X iaitu kelas terkuat, namun arahnya tidak menuju tepat ke bumi. Daripada analisa dan ramalan, tompok AR2192 akan bergerak ke arah tengah matahari dan seterusnya ke barat permukaan matahari.


"Kekuatan letusan dijangka berkurang ke kelas M iaitu berskala sederhana. ONL dan agensi angkasa lepas antarabangsa akan terus memantau aktiviti tompok hitam AR2192 dalam tempoh dua hingga tiga minggu ini," katanya.

Sejarah letusan suar matahari mula dikesan menerusi cerapan pada tahun 1843 oleh ahli astronomi Jerman, Samuel Heinrich Schwabe dan sehingga yang paling terkini, sudah 24 letusan suar matahari dikesan.

Setiap tompok matahari diberi pengenalan dengan sistem kod AR iaitu kawasan aktif (Active Region) dan di-

ANGKASA nafi dakwaan bumi bergelap tiga hari akibat ribut suria

Gambar NASA menunjukkan letusan matahari.



kuti nombor.


"Pada 22 Oktober lalu, kekuatan letupan turun pada kelas sederhana iaitu M7 dikesan menerusi Satelit Pentadbiran Hidupan Laut dan Atmosfera Kebangsaan (NOAA). Bagaimanapun, dalam tempoh dua hingga tiga hari ini ia akan menurun lagi sebanyak 60 peratus," katanya.

Fenomena langit bercahaya

Berikutan itu, fenomena langit bercahaya (aurora) dijangka berlaku yang mana zarah matahari menghentam medan magnet bumi di kawasan latitud tinggi iaitu di kawasan sejuk seperti di Kutub Utara dan Kutub Selatan dalam tempoh 12 hari ini.

"Peramal solar dan ahli astronomi akan terus memerhatikan letupan ini. Meskipun ia tidak akan memberi sebarang kesan langsung kepada bumi, tetapi kita mesti berhati-hati terutama untuk melindungi aset di orbit seperti satelit," katanya.

Mhd Fairos berkata, kesan lain yang



Medan magnetik bumi menghalang kesan ribut suria.



KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT 29
TARIKH : 28 OKTOBER 2014 (SELASA)

Info
Tompok matahari AR 2192

Matahari

Timur ← → Barat

AR 2193
 AR 2192
 AR 2187

Bumi

Penumbra
 Bahagian luar tompok matahari yang lebih cerah.

Umbra
 Bahagian dalam tompok matahari yang lebih gelap.

Fakta

- Imej tompok matahari dirakam menerusi Teleskop Celestron C11 dan Kamera CCD Skyryx 2-294 dan saiznya berukuran 125,000 kilometer.
- Saiz dirujuk sebesar Planet Musytari atau berukuran 12 kali ganda saiz diameter Bumi.
- Saiz diameter Bumi = 12,000 kilometer (km)

AR: Activity Region (Tompok Matahari)

dijangka sepanjang tempoh itu ialah gangguan kepada lapisan ionosfera bumi yang boleh mengganggu kelancaran sistem komunikasi berfrekuensi tinggi seperti penggunaan radio amatur dan aplikasi lain yang berkaitan dengannya?

"Ketika aktiviti itu, pemilik satelit juga dinasihatkan menukarkan mod satelit kepada mod senyap," katanya.

Nafi bumi bergelap tiga hari

Dalam perkembangan sama, ANGKASA dalam kenyataannya semalam menafikan kononnya bumi bakal bergelap selama tiga hari berturut-turut pada 21, 22 dan 23 Disember depan yang disebarkan di laman sosial termasuk WhatsApp dan acebook.

"Khabar angin ini mengatakan kejadian ini adalah disebabkan oleh ribut suria yang dihasilkan oleh matahari pada hari berkenaan. Untuk makluman, ribut suria daripada matahari tidak menyebabkan kejadian siang atau malam, jauh sekali menyebabkan bumi bergelap.

"Malah, bumi juga dilindungi oleh medan magnet (magnetosphere) yang

menyebabkan kesan sebarang ribut suria dibelokkan (deflected) dan menjadi lemah sebelum sampai ke bumi. Apabila baki ribut ini memasuki atmosfera bumi, ia ternyah cas sebagai aurora di hemisfera utara dan selatan," katanya.

Menyentuh perkembangan sama, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Datuk Che Gayah Ismail, berkata cuaca yang tidak menentu termasuk banjir dan puting beliung yang melanda negara baru-baru ini, bukanlah kesan secara langsung fenomena itu.

Pada masa ini, katanya, Malaysia tidak terjejas kerana berada pada latitud yang rendah.

Bagaimanapun, beliau tidak menolak kemungkinan jika suar berlaku terlalu kuat, gelombang sistem telekomunikasi terganggu.

"Dari segi cuaca pula, jika berlaku perubahan iklim hanya terjejas dalam kadar yang sedikit iaitu panas cahaya matahari yang berubah-ubah. Orang ramai tidak perlu bimbang dengan fenomena ini kerana kesan agak minimum kerana kedudukan bumi yang jauh dari matahari," katanya.



Fenomena langit bercahaya berasal dari zarah matahari menghentam medan magnet bumi.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 20
TARIKH: 28 OKTOBER 2014 (SELASA)

SJKC Puay Chai 2 muncul johan NSC2014

JOHAN. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Puay Chai 2, Selangor dinobatkan sebagai johan pertandingan Trofi Perdana Menteri Cabaran Angkasa Kebangsaan 2014 (NSC2014) di Planetarium Negara, Tasik Perdana, Kuala Lumpur baru-baru ini.

NSC2014 merupakan sebuah program pembelajaran dan pendidikan dalam format pertandingan anjuran Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi bersama Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan

Malaysia dan Bank Rakyat. Pertandingan tersebut telah disertai oleh 28 orang peserta dan 14 orang guru pengiring dari seluruh Malaysia dan johan pertandingan akan dihantar menyertai Akademi Angkasa Singapura pada Disember depan.



MURID-MUIRD SJKC Puay Chai 2, Selangor bersama dengan guru dan kakitangan Angkasa bergambar selepas pertandingan NSC2014 di Planetarium Negara, Tasik Perdana, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Cellphone penetration reaches 143.7%, says Jailani

EVERY Malaysian has at least one cellphone, given that the penetration rate has reached 143.7% as of this month, said Deputy Communications and Multimedia Minister Datuk Jailani Johari.

This figure is derived from the 43.1 million cellphone service subscriptions against a population backdrop of 30 million.

"Meanwhile, the broadband Internet penetration for households in Malaysia has reached 67%, with 6.4 million subscribers.

"With this number, the country now requires another 7.9% more to reach its target of 75% broadband penetration by next year," he told the Dewan Rakyat during question time.

Jailani said the Government, through the ministry, was constantly trying to improve the cellphone and Internet coverage throughout the nation, including Sabah and Sarawak.

The deputy minister revealed this when answering a question from Datuk Dr Latiff Ahmad (BN-Mersing) on whether the ministry monitored the level of radio frequency (RF) waves emitted from telecommunication towers installed in schools.

To this, Jailani said RF emissions within the vicinity of schools, including the classroom, canteen and teachers' room were at a safe level.

"Telecommunications towers placed in schools are part of the 1BestariNet project under the Education Ministry.

"Tests have shown that the average RF emission in the school compound is about 0.0002 watts per square metre – a safe level that adheres to fixed mandatory standards."

Jailani added that nationwide RF emission tests conducted by the Malaysian Nuclear Agency showed that RF emissions around telecommunication towers elsewhere were at safe levels.

"The level of RF emissions is in accordance with the Mandatory Standard for Electromagnetic Field Emission from radio-communications infrastructure set by the Malaysian Communications and Multimedia Commission.

"It does not present health risks to the surrounding public including senior citizens and children," he said.